



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PERISTIWA BERSEJARAH BULAN RABIUL AKHIR”

12 November 2021 / 7 Rabiul Akhir 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ³ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ...

(Surah At-Taubah 36)⁴

Maksudnya: Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan...

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan hidup kita senantiasa dilimpahi berkat dan kasih sayang Allah SWT. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertema:

“PERISTIWA BERSEJARAH BULAN RABIUL AKHIR”.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Bilangan bulan di sisi Allah SWT ialah dua belas bulan. Permulaan penggunaan kalendar Tahun Hijrah ialah hasil daripada ilham Khulafa Ar-Rasyidin kedua, iaitu Sayidina Umar bin al-Khattab. Diriwayatkan, Sayidina Abu Musa al-Asya'ari telah mengutus surat kepada Sayidina Umar meminta beliau memberikan pencerahan mengenai permulaan tahun Hijrah. Beliau memilih peristiwa hijrah baginda SAW dari Mekah ke Madinah sebagai asas permulaan tahun pertama kiraan takwim Islam; bagi memperingati peranan peristiwa hijrah dalam pembentukan masyarakat Islam pertama di kota Madinah.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



Bulan-bulan dalam takwim Islam bermula dari Muharam, Safar, Rabiul Awwal, Rabiul Akhir, Jamadil Awwal, Jamadil Akhir, Rejab, Syaaban, Ramadan, Syawal, Zulkaedah dan diakhiri dengan Zulhijjah. Kebanyakan nama ini dipilih sempena sesuatu peristiwa besar berlaku. Alhamdulillah pada hari ini kita berada dalam bulan keempat takwim Islam iaitu bulan Rabiul Akhir. Bulan ini dinamakan sedemikian bersempena bulan kedua musim bunga.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Terdapat peristiwa-peristiwa bersejarah berlaku dalam bulan Rabiul Akhir yang mengandungi pengajaran yang tersendiri namun kurang diketengahkan kepada khalayak umum. Allah SWT berfirman dalam surah Yusuf ayat 111:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ...

Bermaksud : Demi sesungguhnya pada kisah-kisah mereka terdapat pengajaran bagi mereka yang mempunyai akal fikiran...

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mimbar memilih beberapa peristiwa sejarah yang berlaku pada bulan ini untuk dijadikan renungan dan pengajaran:

Pada tahun pertama hijrah, Rasulullah SAW keluar bersama dua ratus orang sahabat mengejar kumpulan kafir Quraish sehingga sampai di Bukit Radwa. Ketika itu rombongan perniagaan Quraish diketuai oleh Umayyah bin Khalaf al-Jumahi, bersama seratus orang lelaki yang mengawal dua ribu lima ratus ekor unta. Mereka segera melarikan diri ketika mengetahui Rasulullah SAW dan para sahabat sedang mencari mereka. Bendera pasukan Islam ketika itu dibawa oleh Sayidina Saad bin Abi Waqqas manakala urusan di Madinah ditadbir sementara waktu oleh Sayidina Saad bin Muaz.

Pada tahun keenam hijrah, Rasulullah SAW mengutus pasukan kecil tentera di bawah pimpinan Sayidina Ukasyah bin Mihson bersama empat puluh orang sahabat ke suatu lembah di Taif. Pasukan musuh mendapat maklumat dan segera melarikan diri. Namun mereka tidak dapat membawa bersama unta-unta mereka sejumlah dua ratus ekor. Unta-unta ini akhirnya menjadi tawanan tentera Islam dan dibawa pulang ke Madinah.

Pada tahun kesembilan hijrah, Rasulullah SAW mengutus Sayidina Ali bin Abi Talib dan pasukannya ke sebuah tempat bernama Thoi (طَيِّ) dan mengarahkan beliau supaya merobohkan berhala-berhala di tempat tersebut sebagai bukti bahawa sembah berhala tidak



mampu mempertahankan diri sendiri apatah lagi memberi manfaat dan mudarat kepada orang lain.

Tiga peristiwa ini membuktikan tugas menyeru ke jalan Allah SWT sama ada dakwah mahupun jihad menghadapi ujian dan cabaran dan perlu dilaksanakan dengan kesungguhan, kegigihan, keberanian dan ketegasan. Tanggungjawab berat ini dipikul oleh para sahabat dengan sepenuh hati sehingga cahaya Islam sampai ke setiap pelusuk dunia pada hari ini. Justeru itu, setiap Muslim harus sedar bahawa Islam yang sampai kepada kita perlu dihargai dan dipertahankan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Selepas tahun seratus hijrah dan abad-abad berikutnya, peristiwa-peristiwa yang berlaku pada bulan ini terlalu banyak untuk disenaraikan kesemuanya. Cukuplah beberapa contoh disebutkan di sini.

Pada tahun dua ratus lapan belas hijrah, seorang tokoh ilmuan Islam, Abdul Malik bin Hisyam al-Ma’afiri telah meninggal dunia dan jenazahnya disemadikan di Mesir. Beliau yang dikenali dengan panggilan Ibnu Hisham ialah ulama sirah yang mengumpul, menyaring dan meringkaskan kitab sirah Nabi SAW yang ditulis oleh Ibnu Ishak. Karya beliau yang masyhur dengan nama “Sirah Ibnu Hisyam” merekodkan riwayat-riwayat daripada tokoh-tokoh sejarah pada kurun kedua dan ketiga hijrah. Kitab ini merupakan rujukan utama kepada kitab-kitab sirah generasi seterusnya yang memiliki keistimewaan tersendiri untuk mendalami sirah Nabi Muhammad SAW.

Pada tahun tiga ratus dua puluh sembilan hijrah, Khalifah Bani Abasiyyah yang kedua puluh, Muhammad bin al-Muqtadir Billah telah meninggal dunia. Beliau terkenal sebagai pemerintah yang sangat baik, sasterawan dan mencintai ulama. Kecintaan beliau terhadap ilmu khususnya ilmu hadith terbukti melalui hubungan ilmiyyah beliau dengan Imam Baghawi dan lain-lain. Diriwayatkan bahawa beliau menyampaikan khutbah pada setiap Jumaat dan merupakan khalifah terakhir yang mampu menyampaikan khutbah ketika itu.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Antara peristiwa penting yang berlaku di negara kita pada bulan Rabiul Akhir ialah penubuhan negara Malaysia. Malaysia ditubuhkan secara rasmi pada 16 September 1963 bersamaan 28 Rabiul Akhir 1383. Penubuhan negara ini melibatkan gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Pengisytiharan penubuhan Malaysia



berlangsung di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur di hadapan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung, Raja-Raja Melayu, Gabenor-Gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura dan Sabah. Peristiwa bersejarah ini mencerminkan adanya persefahaman, perpaduan dan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Mudah-mudahan semangat persefahaman, perpaduan dan patriotisme ini terus subur untuk membolehkan kita membina sebuah negara yang aman, stabil, makmur lagi berdaulat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sedarilah betapa pentingnya kita mengetahui sejarah. Ibnu Khaldun (meninggal 808 Hijrah) dalam karya agungnya berjudul ‘Mukaddimah’ telah menekankan perkara ini secara terperinci dan mendalam.

Sejarah bukan sekadar peristiwa, tarikh, tempat dan tokoh, bahkan yang lebih utama ialah hikmah dan pengajaran di sebalik lembaran catatan sejarah tersebut. Justeru itu adalah penting untuk kita mempelajari, mengetahui, memahami dan menghargai sejarah. Sejarah hendaklah dijadikan sumber rujukan memberikan kita peringatan; agar kita mengelak daripada berulang melakukan kesilapan yang pernah membawa kejatuhan, dan memilih melakukan perkara yang betul yang pernah membantu mencipta kejayaan. Semoga sejarah dijadikan panduan dalam hasrat mahu mencipta kejayaan yang lebih cemerlang dalam semua aspek kehidupan, merangkumi duniawi dan ukhrawi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ وَكَفَى، وَأُصَلِّي وَأُسَلِّمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمُصْطَفَى، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ الْوَفَا،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا
مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ
مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.